

21 FEB 2001
Mahathir-Pas
UMNO SEDANG KAJI RESPONS PARTI PADA SYARAT PAS

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno sedang mengkaji syarat-syarat yang diberikan oleh Pas berhubung pertemuan yang dicadangkan antara kedua-dua parti bagi membincangkan perpaduan orang Melayu.

"Kita sedang kaji apa respons kita... kita akan beritahu apa respons kita (pada syarat Pas) nanti," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri majlis pengurniaan suratcara pelantikan Tun Abang Haji Muhammad Salahuddin Abang Barieng sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak yang baru di Istana Negara di sini.

"Bagi kita, kita masih mahu mengadakan pertemuan itu. Kalau ada syarat, kita nak tengok apa kita boleh buat," katanya.

Ini merupakan kenyataan pertama Perdana Menteri berhubung perkara itu selepas Pas membuat keputusan Ahad lepas untuk menangguhkan pertemuan yang pada mulanya dijadualkan berlangsung Isnin lepas.

Dr Mahathir berkata sepatutnya Pas meneruskan untuk mengadakan pertemuan seperti yang dicadangkan itu.

"Kalau dia nak kata apa pun, dia cakap masa itulah," katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Umno akan menetapkan tarikh baru bagi pertemuan itu, beliau berkata:

"Itu bukan terletak pada kita. Bagi kita, kita nak secepat mungkin. Tapi (dengan adanya) syarat ini, kita nak tengoklah apa kita nak buat dengan syarat ini."

Ahad lepas, Presiden Pas Datuk Fadzil Noor mengumumkan penangguhan pertemuan itu yang dibuat oleh jawatankuasa pusat parti itu selepas mengadakan mesyuarat.

Fadzil disebut sebagai berkata pertemuan itu ditangguhkan kerana parti belum menerima maklumat balas mengenai suasana kondusif yang perlu terlebih dahulu diwujudkan serta beberapa perkara teknikal yang belum selesai.

Pas mahu Umno memenuhi tiga syarat sebelum pertemuan itu diadakan.

Syarat-syarat itu ialah membincangkan isu royalti minyak negeri Terengganu, penerbitan Harakah dan menolak cadangan Umno supaya penggunaan perkataan Islam pada nama parti politik dilarang.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pemuda Umno Azimi Daim berkata keputusan Pas menangguhkan pertemuan mengenai perpaduan Melayu dengan Umno itu boleh dilihat sebagai suatu helah yang didalangi oleh pihak lain.

"Pergerakan Pemuda Umno khuatir kalau-kalau niat ikhlas Pas dan Umno ini cuba digagalkan oleh pihak lain yang sememangnya bimbang bahawa jika perpaduan bakal tercapai, ia akan membawa kesan buruk terhadap mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata keputusan Pas menangguhkan pertemuan itu disebabkan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar sejak awal tidak bersetuju dengan pertemuan itu kerana terikut-ikut dengan Parti Keadilan Nasional yang tidak bersetuju dengan pertemuan itu.

"Pemuda Pas terikut-ikut dengan cara Keadilan...saya lihat ini tidak menggambarkan pandangan semua anggota Pas," kata Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan kepada pemberita di kementerian itu.

Ketika ditanya sama ada beliau menganggap Pas berpecah akibat bantahan Pemuda Pas terhadap pertemuan berkenaan, beliau berkata: "Secara peribadi, begitulah."

"Presiden Pas (Datuk Fadzil Noor) buat pendirian awal lagi (setuju terhadap pertemuan) tetapi Pemuda Pas tidak mahu, dan akhir-akhir ini

kenakan syarat-syarat yang memberi gambaran golongan ini pengaruhi
kepimpinan Pas," katanya.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada Mahfuz, Hishammuddin berkata:
"Jika terikut-ikut dengan Keadilan lebih baik Mahfuz menyertai Keadilan."

-- BERNAMA

AZ RV MAI